

KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa kepada **Kontraktor** mempunyai **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)** dalam **Gred Kategori dan Pengkhususan** yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja-kerja berikut:-

TAJUK PROJEK	SYARAT PENDAFTARAN	TEMPAT DAN TARIKH DOKUMEN DIJUAL	TARIKH TUTUP
TAJUK CADANGAN MENAIKTARAF DAN MELEBAR JALAN SEDIA ADA DI PERSIARAN CV1, PERSIARAN CV2, PERSARAN CV3 DAN JALAN CV1 SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI SELANGOR CYBER VALLEY, MUKIM DENGKIL, DAERAH SEPANG SELANGOR CYBER VALLEY NO KONTRAK PKNS/SCV-MTJLN/KON-7/2024 (TS)	CIDB : Gred G7 Kategori : CE Pengkhususan : CE01 & CE21	BAHAGIAN PEROLEHAN, Tingkat 2, Blok D, Ibu Pejabat PKNS, No. 2, Jalan Indah 14/8, Seksyen 14, Shah Alam, Selangor. Pada : 10 Julai 2025 Hingga 16 Julai 2025 Jam: 9:00 Pagi - 4:00 Petang	6 Ogos 2025 (Rabu) Jam 12:00 Tengahari

- Keutamaan diberikan sekiranya petender / syarikat memiliki pensijilan dan pengalaman kerja seperti yang disenaraikan di bawah :-
 - Sistem Pengurusan Kualiti (MS ISO 9001:2015)
 - Sistem Pengurusan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (MS ISO 45001:2018)
 - Sistem Pengurusan Alam Sekitar (MS ISO 14001 : 2015)

(Salinan sijil atau apa jua bukti hendaklah dikemukakan bersama dokumen tender / tawaran)
- Syarikat yang berminat juga **wajib** memenuhi kriteria kelayakan seperti berikut :
 - Mempunyai Modal Kewangan sekurang-kurangnya sebanyak **RM1,850,000.00 (Ringgit Malaysia: Satu Juta Lapan Ratus Lima Puluh Ribu Sahaja)**
 - Mempunyai pengalaman bagi kerja-kerja **Infrastruktur** atau kerja-kerja sebanding.
 - Status syarikat tidak disenarai hitam atau dikenakan **Tindakan Tatatertib oleh CIDB Malaysia.**
 - Mempunyai sijil **SCORE CIDB** dengan minimum **3 Bintang** dan masih berkuatkuasa melebihi tiga (3) bulan dari tarikh tutup tender.

3. Dokumen Tender akan dijual (**Pendrive Softcopy**) pada harga **RM250.00 (Ringgit Malaysia : Dua Ratus Lima Puluh Sahaja) (bayaran ini tidak akan dikembalikan)**. Bayaran pembelian dokumen tender boleh dibuat seperti berikut:-
 - (i) Melalui **Kad Debit** atau **Kad Kredit** hendaklah dibuat di **Kaunter Pembayaran di Tingkat Bawah, Blok B, Ibu Pejabat PKNS Shah Alam** dan mendapatkan resit pembayaran sebelum hadir ke Bahagian Perolehan untuk membeli Dokumen Tender.
4. Naskah Dokumen Meja Tawaran boleh disemak di Bahagian Perolehan, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor pada waktu pejabat bermula **8 Julai 2025**.
5. Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada Syarikat atau wakil yang sah sahaja. Sekiranya pihak Syarikat ingin menghantar wakil, sila bawa bersama surat perwakilan kuasa. Syarikat dikehendaki membawa **SURAT PERWAKILAN KUASA, DOKUMEN ASAL PERAKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR DAN SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK) DARI LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (CIDB), SIJIL PENGIKTIRAFAN TARAF BUMIPUTERA (PKK)** serta **WAJIB** membawa **SATU SALINAN** bagi setiap Sijil-Sijil tersebut semasa membeli dokumen tender.
6. Petender dinasihatkan untuk membaca dengan teliti **Senarai Semak dan Perakuan Tender** di dalam Dokumen Tender dan memahami kehendak Dokumen Tender sebelum mengemukakan Dokumen Tender.
7. Dokumen Tawaran Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di alamat:-

**BAHAGIAN PEROLEHAN
TINGKAT 2, BLOK D, BANGUNAN IBU PEJABAT PKNS,
NO. 2, JALAN INDAH 14/8, SEKSYEN 14,
40000 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN
No. Tel: 03-5525 0300
<http://etender.pkns.gov.my>**

8. Tender yang diterima selepas tarikh dan waktu tutup tidak akan dilayan. Perbadanan tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran lain.